

**Lawatan Obama Lakar Sejarah Baharu Hubungan Amerika Syarikat-Malaysia, Kata  
Bakal Duta  
Bernama  
18 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Lawatan Presiden Amerika Syarikat Barack Obama ke Malaysia bulan depan akan melakar sejarah baharu dalam hubungan dua hala antara kedua-dua negara, kata bakal Duta Amerika Syarikat (AS) ke negara ini Joseph Y. Yun.

Dalam sidang akhbar pertamanya sejak tiba di sini minggu lepas, Yun berkata Washington dan Kuala Lumpur telah menyaksikan jalinan hubungan lebih baik dalam semua aspek terutamanya politik, perdagangan dan ekonomi serta hubungan rakyat ke rakyat.

"Hubungan antara Malaysia dan AS kini berada pada kedudukan berbeza dan lebih baik daripada 10 tahun lepas. Banyak salah faham telah diselesaikan," katanya.

Hubungan itu, kata Yun akan memasuki tempoh "amat mengujakan" dengan lawatan Presiden Obama bulan depan, selepas lawatan terakhir oleh Presiden AS ke negara ini lebih empat dekad lepas.

Yun merujuk kepada lawatan Presiden Lyndon B. Johnson ke Malaysia pada 1966.

Obama akan melawat Malaysia sempena Sidang Kemuncak Keusahawanan Global kali ke-4 dijadualkan di Kuala Lumpur dari 11 hingga 12 Okt.

Yun berkata beliau menyifatkan dirinya "amat bertuah" untuk bertugas di Kuala Lumpur tatkala hubungan AS-Malaysia semakin baik.

Beliau dicalonkan oleh Obama pada 23 Julai dan diperakukan oleh Senat pada 1 Ogos untuk menjadi Duta AS ke Malaysia.

Beliau belum menyerahkan watikah pelantikannya kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Yun, yang menggantikan Datuk Paul W. Jones, berkata AS dan Malaysia berkongsi ciri-ciri kepelbagaian kebudayaan dan bangsa yang menyumbang kepada pengukuhan hubungan dua hala.

"Malaysia bukan sahaja penting kepada Amerika Syarikat daripada segi geografi tetapi juga merupakan entiti politik dan diplomatik yang penting di rantau ini".

Beliau turut memuji peranan penting Malaysia dalam Asean, perkumpulan serantau 10 negara Asia Tenggara.

Yun sebelum ini merupakan Timbalan Ketua Penolong Setiausaha Biro Hal Ehwat Asia Timur dan Pasifik.

Antara negara yang beliau pernah bertugas ialah di Korea Selatan, Thailand, Perancis, Indonesia dan Hong Kong.

Beliau pemegang ijazah dari London School of Economics dan University of Wales.

Yun dan isteri Dr Melanie Billings-Yun mempunyai seorang anak lelaki.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=978684>